

Angka Giliran: _____

Tempat Duduk: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

JSE352 - Makroekonomi II

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 17 muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan daripada Bahagian I (60 markah), SATU soalan daripada Bahagian II (20 markah) dan SATU soalan daripada Bahagian III (20 markah),

Bahagian I MESTI dijawab di dalam kertas soalan dan Bahagian II dan Bahagian III MESTI dijawab di dalam buku jawapan.

Ikatkan kertas jawapan bagi Bahagian I bersama-sama dengan buku jawapan Bahagian II dan Bahagian III.

Alat pengira elektronik takberprogram boleh digunakan.

BAHAGIAN I (60 markah)

1. Jawab SEMUA soalan berikut ([A] - [J]); tuliskan jawapan anda di ruang-ruang kosong yang disediakan.

[A] [a] Lengkapkan Jadual A; isikan angka-angka yang sesuai untuk jalur Penggunaan.

Jadual A

Paras	Pendapatan	Penggunaan \$	Tabungan \$
	\$370	_____	- 4
	390	_____	0
	410	_____	4
	430	_____	8
	450	_____	12
	470	_____	16
	490	_____	20
	510	_____	24
	530	_____	28

[1 markah]

[b] Dari data di atas, berikan titik pulang modal dan jelaskan maknanya.


[1 markah]

... 3/-

[c] Hitungkan kecenderungan sut mengguna (MPC) daripada fungsi penggunaan tersebut dan jelaskan implikasinya.

[1 markah]

[B] [a] Terbitkan keluk LM daripada keluk permintaan wang yang anjal sempurna kadar bunga. Jelaskan sama ada dasar kewangan atau dasar belanjawan berkesan.




Rajah B [a]

[3 markah]

... 4/-


[b] Dapatkan keluk LM daripada keluk penawaran wang yang anjal sempurna kadar bunga. Dasar apakah yang tidak berkesan? Jelaskanya.



Rajah B [b]

[3 markah]


[c] Terbitkan keluk IS daripada keluk pelaburan yang tidak anjal sempurna kadar bunga. Dasar apakah tidak berkesan? Jelaskan.



Rajah B [c]

[3 markah]


[C] [a] Di dalam kes upah tetap, apabila upah benar dipertingkatkan, apa akan terjadi kepada paras gunatenaga dan paras output? Jelaskan dengan bantuan Rajah C [a].



Rajah C [a]


[2 markah]

- [b] Jika permintaan agregat tidak anjal sempurna dan terletak di sebelah kiri Y apakah paras harganya? Jelaskan.



[2 markah]

- [c] Sekiranya permintaan agregat tidak anjal sempurna dan terletak di sebelah kanan Y apa pula akan terjadi kepada paras harganya? Jelaskan.




[2 markah]

[D] [a] Takrifkan EMPAT jenis inflasi.

[2 markah]

[b] Apakah maksud stagflasi? Tunjukkan di dalam Rajah D(b). Jelaskan.



Rajah D(b)

... 9/-

[2 markah]

[c] Berikan dua faktor yang menyebabkan stagflasi.

[2 markah]

[E] [a] Encik Benteng memiliki 10,000 ekar ladang getah dan kelapa sawit. Oleh kerana beliau tinggal di dalam sebuah kampung yang kecil, beliau hidup di dalam satu kehidupan yang biasa dan merupai orang miskin. Adakah kehidupan Encik Benteng mencerminkan penjelasan Duesenberry? Jelaskan.

[2 markah]

[b] Pak Tamby Putih bekerja sebagai seorang pengurus di dalam Kilang Elektronik BIM. Oleh kerana Perang Teluk, kilang tersebut telah tertutup dan beliau pun menjadi seorang penganggur. Sungguhpun begitu, beliau masih menggunakan dua buah kereta yang besar dan menggunakan barang-barang mewah. Mengikut teori penggunaan, apakah jenis kesan terhadap penggunaan Pak Tamby Putih? Jelaskan.

[2 markah]

[c] Kenapa model Hall $C_t = \beta C_{t-1} + U_t$ dikenali sebagai fungsi penggunaan perjalanan rambang? Jelaskan.

[2 markah]

[F] [a] Pak Bisa dilantik sebagai seorang penasihat ekonomi di Negara Makai. Di dalam satu projek pembinaan Lebuh Raya Hilir-Hulu, kecekapan sut modal (MEC) ialah 14% sedangkan kadar bunga pasaran (r) ialah 12%. Diandaikan lain-lain faktor tidak berubah, apakah keputusan dan nasihat yang Pak Bisa dapat berikan kepada kerajaan tentang pelaksanaan pembinaan Lebuh Raya Hilir-Hulu? Jelaskanya.

[2 markah]

[b] Berikan koefisien pencepat tetap dan jelaskan kegunaannya.

[2 markah]

[c] Transformasi apakah yang digunakan untuk menerbitkan teori pencepat fleksibel? Jelaskan koefisien pencepat fleksibel tersebut.

[2 markah]

[G] [a] Apakah perbezaan di antara model pertumbuhan Harrod dan model pertumbuhan Domar? Kenapa pula kedua-dua model dianggap sebagai satu model yang sama?

[2 markah]

[b] Apakah tiga masalah yang menjejaskan model pertumbuhan Harrod? Jelaskan.

[2 markah]

[c] Di Negara Cepattumbuh, kecenderungan sut menabung (MPS) adalah 50%, nisbah modal-output (C_r) = 20% dan kadar pertumbuhan pekerja (n) = 10%. Apakah kadar pertumbuhan teknologi sekiranya kadar pertumbuhan sebenar (G_A) dan kadar pertumbuhan semulajadi (G_N) adalah seimbang?

[2 markah]

[H] [a] Apakah tiga matlamat yang sesebuah negara ingin capai mengikut teori Kitaran Perdagangan? Jelaskan.

[2 markah]

[b] Berapa lamakah satu edaran kitaran perdagangan Kitchin? Apakah jenis pelaburan yang berhubung dengan kitaran perdagangan Kitchin? Jelaskan.

[2 markah]

[c] Apakah jenis pelaburan yang berkaitan dengan kitaran perdagangan bintik suria? Berapa tahunkah satu edaran atau pusingan kitaran perdagangan ini? Jelaskan.

[2 markah]

- [I] [a] Jelaskan makna "jangkaan rasional". Apakah teknik asal yang digunakan untuk menerbitkan teori jangkaan rasional ? Jelaskan.

[2 markah]

- [b] Berikan model jangkaan rasional Muth. Terbitkannya kepada bentuk $P_t = \theta P_t^e + U_t$.

[2 markah]

[c] Di dalam model jangkaan rasional Barro:

$$P_t^e(z) = \theta P_t(z) + (1 - \theta) P_t^e.$$

Sekiranya $\theta = 1/4$, $P_t(z) = 100$ dan

$$P_t^e = 1.6 P_t(z),$$

apakah nisbah $P_t^e(z)$ dengan $P_t(z)$?


[2 markah]

[J] [a] Senaraikan enam jenis pengangguran.

[2 markah]

... 16/-

[b] Lukiskan keluk yang mengaitkan kadar pengangguran dengan kadar inflasi dan jelaskannya.



Rajah J(b)

[2 markah]

[c] Apakah makna kadar pengangguran semulajadi? Jelaskan.

[2 markah]

BAHAGIAN II [20 markah]

Jawab SATU soalan daripada bahagian ini.

2. Bincangkan inflasi struktur, bermusim dan friksyenal dan cadangkan langkah-langkah untuk mengatasi masalah inflasi, stagflasi dan hiperinflasi.
(20 markah)
3. Bincangkan perbezaan di antara hipotesis pendapatan yang berkadar dengan hipotesis pendapatan yang tidak berkadar. Pada pendapat anda, mana satukah yang lebih realistik? Jelaskan pandangan anda.
(20 markah)
4. Bincangkan konsep kecekapan sut modal (MEC) dan kecekapan sut pelaburan serta teori pelaburan perumahan. Berikan gambarajah dan contoh yang sesuai.
(20 markah)

BAHAGIAN III [20 markah]

Jawab SATU soalan daripada bahagian ini.

5. Bincangkan model-model kitaran perdagangan Schumpeter, Samuelson dan Hicks. Jelaskan kritis-kritis terhadap model-model ini.
(20 markah)
6. [a] Bincangkan model pertumbuhan Malthus untuk mengubahsuaikan kadar pertumbuhan penduduk di dalam teori pertumbuhan. Berikan kritis-kritis terhadap model ini.
(10 markah)
- [b] Berikan model jangkaan rasional penawaran wang Lucas di dalam teori jangkaan rasional. Berikan kritis-kritis terhadap model ini.
(10 markah)

